

Muhyiddin nafi curi wang parti

Presiden BERSATU dakwa tuduhan Dr M sangkaan liar tak berasas

Oleh Nurhanim Osman
nurhanim.osman@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tan Sri Muhyiddin Yassin menafikan sekeras-kerasnya tuduhan yang dibuat bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menerusi sebuah video mendakwa beliau mencuri wang parti dan menyimpannya di rumah.

Presiden BERSATU itu menyifatkan tuduhan berkenaan sebagai sangkaan liar yang tidak be-

rasas dan tidak benar sama sekali.

“Saya tidak pernah mencuri wang parti. Semua sumbangan kepada parti dimasukkan ke dalam akaun parti yang diuruskan secara telus oleh Bendahari Agung,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Muhyiddin berkata, dakwaan sedemikian mungkin timbul susulan maklumat tidak benar yang diterima Dr Mahathir daripada pihak tidak bertanggungjawab.

Menurut Muhyiddin, sebagai seorang negarawan, Dr Mahathir sepatutnya mendapatkan penjelasan daripadanya terlebih dahulu sebelum mengeluarkan sebarang tuduhan secara terbuka.

“Dalam banyak pertemuan saya dengan beliau, perkara ini tidak pernah dibangkitkan di hadapan saya,” katanya.

Sehubungan itu, Muhyiddin berkata, beliau bertanggungjawab untuk menjelaskan perkara sebenar bagi mengelakkan fitnah terhadap dirinya terus tersebar.

Katanya, beliau tetap menghormati Dr Mahathir sebagai orang yang lebih tua dan mengakui hubungan mereka sebelum ini akrab, termasuk sokongannya terhadap usaha bekas Perdana Menteri berkenaan dalam mem-

perjuang perpaduan orang Melayu.

“Saya tidak berhasrat untuk mengheret beliau ke mahkamah,” katanya.



Muhyiddin Yassin